

04 APR 2002

Nik Aziz-Khurafat

NIK AZIZ MINTA RAKYAT PULAU PERARAKAN REPLIKA BURUNG PETALAWATI

KOTA BAHARU, 4 April (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat meminta rakyat Islam di Kelantan memulaukan majlis perarakan replika Burung Petalawati yang bermula di sini Sabtu ini kerana ia bersifat khurafat dan membawa kepada syirik.

"Saya menasihatkan semua rakyat khususnya rakyat Kelantan supaya mengelak diri daripada terlibat dalam perarakan khurafat dan syirik ini bagi mengelakkan kemurkaan Allah," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Menurutnya larangan itu dibuat kerana laporan yang diperolehi mendapati berlaku pemujaan terhadap replika burung itu oleh kumpulan bukan Islam seperti sami sehingga menyebabkan mereka yang terbabit dalam perarakan itu seolah-olah memberi restu kepada perbuatan pemujaan jin dan jembalang.

Replika gergasi Burung Petalawati berukuran lebar 6 meter, panjang 10 meter dan tinggi 5 meter yang sinonim dengan legenda dan sejarah kesultanan Kelantan akan dipersembahkan kepada Sultan Kelantan sempena Hari Keputeraan baginda ke-52 pada 12 April.

Sebelum persembahan itu, replika burung itu yang dibina melibatkan kos RM36,000 akan diarak bagi tontonan ramai melalui beberapa laluan utama sejauh 50 kilometer iaitu di sini, Tumpat dan Pasir Mas bermula Sabtu ini.

Nik Aziz yang juga Mursyidul Am Pas berkata mengikut cerita dongeng, Burung Petalawati berperanan menjaga alam termasuk negeri Kelantan.

Beliau berkata kerajaan negeri mengarahkan semua jabatan dan agensi kerajaan supaya jangan terlibat langsung dengan perarakan itu yang dianjurkan sebuah badan bukan kerajaan (NGO) bagi sambutan Hari Keputeraan Sultan Kelantan.

Menurutnya kerajaan negeri sebenarnya telah menyusun banyak program sambutan hari keputeraan yang bermula Sabtu lepas yang beliau sendiri menghadirinya.

Ketika ditanya mengapa beliau tidak menggunakan kuasanya bagi menghalang perarakan itu sekiranya ia boleh menjejaskan akidah umat Islam, Nik Aziz berkata beliau lebih suka menggunakan nasihat kerana cara itu lebih baik.

Menurutnya perkara itu perlu dibendung kerana selain mencemarkan nama Islam ia juga mencemarkan nama baik Kelantan yang mendokong syiar Islam termasuk membabitkannya sebagai ketua kerajaan negeri.

Beliau berkata fatwa berhubung larangan itu juga sukar dibuat kerana kesuntukan masa apabila perlu diadakan mesyuarat dahulu sebelum sesuatu fatwa dikeluarkan.

Semasa ditanya adakah beliau akan menghadiri Majlis Jamuan Rakyat pada 12 April ini di Istana Negeri di sini bagi penyerahan replika burung itu kepada Sultan, yang dijadualkan dihadiri juga oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Nik Aziz berkata beliau tidak akan hadir tetapi mengalu-alukan kunjungan Dr Mahathir ke Kelantan.

Nik Aziz berkata beliau ada menerima memorandum bantahan daripada Dewan Ulama, Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat Kelantan berhubung perkara itu termasuk bantahan bakal persembahan artis tempatan iaitu Siti Nurhaliza dan Nora di istana kerana program itu berundur maksiat.

Mengikut memorandum, majlis berkenaan bukan sahaja mencabar kerajaan negeri malahan menimbulkan aib dan menjatuhkan maruah serta Sultan sebagai ketua agama di Kelantan.

Sementara itu, Majlis Tindakan Rakyat Kelantan (MTRK) yang menganjurkan acara perarakan burung itu berkata majlis itu tidak mengandungi perbuatan

khurafat seperti didakwa Nik Aziz.

Pengerusi MTRK Datuk Ibrahim Ali berkata acara itu sama seperti perarakan kereta berhias dan perarakan beca yang sekadar menjadi tontonan rakyat serta bagi memperingati simbol burung itu yang mempunyai lagendanya tersendiri di Kelantan.

-- BERNAMA

RAR FAZ